

UMS Meterai Hasrat Kerjasama Dengan Quest International University Perak

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 23 Ogos 2019 15:15 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 445

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



JUMAAT, 23 Ogos – Pusat Penyelidikan Pelancongan Borneo di bawah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah

menandatangani surat hasrat dengan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Quest International University Perak (QIUP) dalam mengukuhkan kerjasama, penyelarasan dan mobiliti dalam bidang pelancongan dan kelestarian antara kedua-dua universiti.

Pusat Penyelidikan Pelancongan Borneo diwakili oleh pengarahnya, Prof. Dr. Jennifer Chan Kim Lian menandatangani surat hasrat tersebut, manakala QUIP diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi QUIP, Nicholas Goh.

Majlis menandatangani surat hasrat antara kedua-dua pihak yang berlangsung di QIUP, Ipoh, Perak turut disaksikan oleh Dekan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan QIUP, Prof. Dr. Loke Siew-Phaik dan pensyarah kanan FPEP UMS, Prof. Madya. Dr. Awangku Hassan Bahar Pengiran Bagul yang mewakili Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Raman Noordin.

Surat hasrat tersebut telah menggariskan cara untuk kedua-dua institusi bekerjasama dalam aktiviti pertukaran pelajar atau kakitangan, kerjasama dalam projek pendidikan dan aktiviti akademik seperti latihan, seminar, bengkel dan persidangan.

Dalam pada itu, Nicholas Goh menyatakan kepentingan bagi kedua institusi untuk bekerja dalam bidang pelancongan dan kelestarian untuk memastikan kesedaran dan faedah tersebar luas.

“Saya mengalu-alukan kerjasama ini kerana terdapat banyak perkara dari kedua-dua universiti dapat belajar sesama sendiri terutamanya dari pengalaman unik dalam pembangunan pelancongan dan kelestarian,” katanya.

Pemeteraian kerjasama kedua-dua pihak adalah bersempena dengan Seminar Kelestarian 2019 yang dipengerusikan oleh pensyarah kanan QUIP, Prof. Madya Dr. Sofiah Kadar Khan dengan tema Ke Arah Pelancongan Lestari di Malaysia dan turut melibatkan penceramah dari UMS, QIUP dan Universiti Teknologi Petronas.